

Received	5 Jan 2026	Revised	20 Mar 2026
Accepted	28 Apr 2026	Published	30 May 2026
Page	92-104		
DOI	https://doi.org/10.24035/jopi.01.2026.07		

Keadilan Sosial Islam dalam Kerangka Masyarakat Madani Islamic Social Justice within the Framework of a Civilised Society

Mohd Hatib Ismail¹, Siti Rohani Jasni² & Zuly Qodir³

Abstract

Social justice remains a central concern in contemporary discussions on development and civilisational progress, particularly in addressing economic inequality, social disparities, and declining public trust in institutions. In the Islamic intellectual tradition, justice is not merely a moral principle or a mechanism of redistribution, but a divine mandate that structures social life. This article examines the concept of social justice in Islam within the framework of a civilised society as a normative foundation for contemporary societal development. Using a qualitative approach based on conceptual analysis of classical Islamic sources and the thought of Mustafa al-Siba‘i, complemented by selected modern theories of justice, the study identifies three interconnected dimensions of Islamic social justice: the ontological dimension rooted in tawhid and amanah, the institutional dimension concerning governance and resource management, and the moral dimension that nurtures social solidarity. The integration of these dimensions positions Islamic social justice as a coherent framework for building a sustainable, ethical, and resilient civilised society.

Keywords: Civilisation, Islamic governance, Madani, social justice, social solidarity.

Pengenalan

Perbincangan tentang keadilan sosial sentiasa relevan dalam sejarah peradaban manusia. Ketidakadilan dalam pengagihan kekayaan, peluang pendidikan, akses kesihatan dan penyertaan politik sering menjadi pencetus konflik sosial serta ketidakstabilan negara. Dalam wacana Barat moden, tokoh seperti John Rawls

¹Mohd Hatib Ismail*, (*Corresponding Author*). Ph. D., Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu Sabah, MALAYSIA. Email: mohdhatib@ums.edu.my [ORCID ID: 0009-0009-9750-0354].

²Siti Rohani Jasni, Ph. D., Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA. Email: s_rohani@ums.edu.my [ORCID ID:0009-0006-9523-6957].

³Zuly Qodir, Ph. D., Program Studi, Ilmu Pemerintahan, Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, INDONESIA. Email: zuliqodir@umy.ac.id [ORCID ID: 0000-0001-8568-703X].

mengemukakan teori “justice as fairness” yang menekankan prinsip kebebasan asas dan keadilan distributif. Namun dalam tradisi Islam, keadilan telah lama menjadi asas pembinaan masyarakat, bahkan dianggap sebagai perintah Ilahi yang mesti ditegakkan. Melihat kepada konteks Malaysia kontemporari, gagasan masyarakat Madani mengangkat nilai kemampanan, kesejahteraan, hormat, daya cipta, keyakinan dan ihsan sebagai teras pembangunan negara. Nilai-nilai ini mempunyai titik temu yang kuat dengan konsep keadilan sosial dalam Islam. Oleh itu, artikel ini berusaha membina satu sintesis antara kerangka normatif Islam dan aspirasi masyarakat Madani bagi menjelaskan bagaimana keadilan sosial boleh direalisasikan dalam sistem sosial moden.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis konseptual dan kepustakaan bagi meneliti konsep keadilan sosial dalam Islam serta hubungannya dengan kerangka Masyarakat Madani. Data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder, termasuk karya Mustafa al-Siba‘i dan sarjana klasik Islam, di samping rujukan kepada wacana teori keadilan moden sebagai latar perbandingan. Analisis dilakukan melalui kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti tema utama berkaitan hak asasi, tadbir urus, pengurusan sumber dan jaminan sosial, diikuti analisis konseptual bagi merumuskan dimensi ontologi, institusional dan moral keadilan sosial. Pendekatan sintesis normatif digunakan untuk mengintegrasikan prinsip wahyu dengan aspirasi pembangunan masyarakat kontemporari, sekali gus membina kerangka teoritikal yang koheren bagi menjelaskan peranan keadilan sosial sebagai asas pembentukan Masyarakat Madani.

Konsep Keadilan Sosial dalam Islam

Perbincangan mengenai keadilan sosial dalam Islam bukan sekadar menjelaskan definisi linguistik atau huraian normatif, tetapi perlu difahami sebagai satu sistem pemikiran yang membentuk struktur sosial secara menyeluruh. Jika dalam wacana moden keadilan sering dibincangkan dalam kerangka pengagihan ekonomi atau hak asasi, dalam Islam keadilan mempunyai dimensi ontologi, moral dan institusional yang saling berkait (Ismail & Jasni, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa keadilan sosial Islam tidak boleh direduksi kepada pendekatan kebajikan atau keseimbangan material semata-mata.

Secara konseptual, istilah *al-‘adl* mengandungi makna keseimbangan dan ketepatan yang bersifat normatif (Zul ‘Azmi 2005). Namun, keseimbangan dalam Islam tidak bersifat neutral atau relativistik. Ia ditentukan oleh kerangka wahyu dan bukan oleh konsensus sosial semata-mata. Di sinilah perbezaan asas antara pendekatan Islam dan teori kontrak sosial moden. Dalam teori liberal, legitimasi keadilan bergantung kepada persetujuan rasional masyarakat, manakala dalam Islam legitimasi tersebut berpaksikan kebenaran yang ditetapkan oleh syariat. Dengan kata lain, keadilan dalam Islam mempunyai rujukan nilai yang tetap dan tidak berubah mengikut arus politik atau kepentingan semasa.

Huraian Ibn Manzur (1887) dan al-Ghazali yang menekankan keadilan sebagai “meletakkan sesuatu pada tempatnya” membuka ruang analisis yang lebih mendalam (Zul ‘Azmi 2005). Prinsip ini bukan sahaja berkaitan pengagihan sumber, tetapi juga melibatkan pengiktirafan terhadap peranan, tanggungjawab dan hierarki sosial yang adil. Namun demikian, pendekatan ini boleh menimbulkan persoalan kritikal: siapakah yang menentukan “tempat yang sewajarnya”? Dalam kerangka Islam, penentuan tersebut berpandukan prinsip syariat dan maqasid al-shariah, yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dengan itu, keadilan bukan bersifat arbitrari, tetapi terikat kepada objektif moral yang jelas.

Pandangan Mustafa al-Siba‘i (1998) pula adalah mengenai pemenuhan keperluan asas memperlihatkan bahawa keadilan sosial dalam Islam tidak terhad kepada kesaksamaan formal. Ia menuntut intervensi aktif bagi memastikan golongan rentan tidak terpinggir. Pendekatan ini selari dengan prinsip keadilan distributif dalam teori moden, tetapi berbeza dari sudut motivasi dan asas nilainya. Dalam kerangka Islam, pemenuhan keperluan asas bukan sekadar tuntutan hak warga negara, tetapi kewajipan moral yang berpunca daripada konsep amanah dan persaudaraan.

Namun demikian, pendekatan ini juga menimbulkan cabaran praktikal. Jika tanggungjawab sosial terlalu bergantung kepada kesedaran individu, risiko ketidaksamarataan pelaksanaan boleh berlaku. Oleh itu, keadilan sosial Islam memerlukan keseimbangan antara tanggungjawab individu dan peranan institusi negara. Al-Siba‘i (1998) secara implisit mengakui keperluan tersebut dengan menegaskan peranan pemerintah dalam menjamin kesejahteraan rakyat. Ini menunjukkan bahawa keadilan sosial dalam Islam tidak menolak peranan negara, tetapi meletakkannya dalam kerangka amanah dan akauntabiliti.

Dalam konteks pekerjaan dan hubungan majikan-pekerja, prinsip kesesuaian beban kerja dengan ganjaran menampilkan dimensi etika ekonomi yang jelas. Ia menolak eksploitasi dan mengiktiraf nilai usaha manusia. Namun, berbeza dengan teori kapitalisme klasik yang menilai tenaga kerja berdasarkan mekanisme pasaran semata-mata, pendekatan Islam mengikat hubungan ekonomi dengan pertimbangan moral. Hal ini memperlihatkan bahawa keadilan sosial Islam bukan sekadar sistem pengagihan, tetapi sistem nilai yang menstrukturkan hubungan ekonomi.

Perbincangan mengenai hak dalam institusi keluarga dan muamalat juga memperlihatkan keluasan konsep keadilan sosial. Keadilan bukan sahaja beroperasi di ruang awam, tetapi bermula daripada unit terkecil masyarakat. Ini menunjukkan bahawa keadilan sosial dalam Islam bersifat menyeluruh dan berlapis. Ia tidak menunggu campur tangan negara semata-mata, tetapi berakar dalam etika individu dan keluarga. Pendekatan ini memberikan kekuatan moral kepada sistem sosial, namun pada masa yang sama menuntut tahap kesedaran dan pendidikan nilai yang tinggi dalam kalangan masyarakat.

Manakala dalam aspek kehakiman, penekanan al-Siba‘i (1960) terhadap objektiviti hakim menegaskan bahawa keadilan prosedural tetap penting dalam Islam. Walaupun keadilan mempunyai dimensi spiritual, pelaksanaannya memerlukan sistem institusi yang bebas daripada kepentingan peribadi. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak mengabaikan struktur formal dalam memastikan keadilan ditegakkan.

Amalan infaq sebagai mekanisme jaminan sosial pula memperlihatkan bahawa Islam menyediakan instrumen sosial bagi mengurangkan jurang kemiskinan. Namun, secara kritikalnya, infaq sahaja tidak mencukupi sekiranya struktur ekonomi tidak adil. Oleh itu, keadilan sosial dalam Islam perlu difahami sebagai kombinasi antara reformasi struktur dan pembinaan budaya empati. Tanpa pembaikan struktur, bantuan kebajikan boleh menjadi bersifat sementara dan tidak menyelesaikan punca ketidaksamaan.

Secara keseluruhannya, keadilan sosial dalam Islam mempunyai tiga lapisan utama: pertama, lapisan ontologi yang berasaskan tauhid dan amanah; kedua, lapisan institusional yang melibatkan struktur pemerintahan dan kehakiman; dan ketiga, lapisan moral yang membentuk akhlak individu dan solidariti sosial. Ketiga-tiga lapisan ini saling bergantung dan tidak boleh dipisahkan. Keunikan konsep ini terletak pada integrasinya yang tidak memisahkan antara undang-undang dan akhlak, antara hak dan tanggungjawab, atau antara negara dan masyarakat. Justeru, keadilan sosial Islam bukan sekadar alternatif kepada teori sekular, tetapi suatu model peradaban yang menggabungkan dimensi struktur dan spiritual secara serentak.

Mustafa al-Siba'i menegaskan bahawa keadilan sosial Islam bukan tiruan ideologi Barat, tetapi berasaskan wahyu dan pengalaman sejarah pemerintahan Islam tiga perkara utama iaitu:

1. **Pemeliharaan hak individu** – Setiap manusia mempunyai hak yang mesti dilindungi.

Hak untuk hidup merupakan anugerah asas yang dikurniakan Allah SWT kepada setiap manusia. Hak ini tidak boleh diganggu atau dinafikan kecuali berdasarkan ketetapan syarak. Justeru, perbuatan membunuh orang lain atau membunuh diri sendiri adalah dilarang sama sekali. Segala usaha yang menyokong kelangsungan hidup seperti menjaga kesihatan, mencegah penularan penyakit dan merawat yang sakit adalah tanggungjawab yang perlu dipelihara. Sebaliknya, perkara yang memudaratkan tubuh dan mengancam nyawa seperti pengambilan arak atau makanan berbahaya hendaklah dijauhi. Keperluan asas seperti makan dan minum adalah penting untuk kesinambungan hidup, namun ia tidak boleh dilakukan secara berlebihan (al-Siba'i, 1960). Islam juga menetapkan bahawa pembunuhan dengan sengaja adalah haram dan dikenakan hukuman qisas bagi menjamin keselamatan nyawa manusia.

Dari sudut kebebasan diri, Islam mengiktiraf kebebasan manusia sejak dilahirkan. Hakikat kemerdekaan yang sebenar ialah membebaskan diri daripada penghambaan sesama makhluk dan tunduk hanya kepada Allah SWT. Seseorang tidak boleh dikenakan penahanan tanpa bukti kesalahan yang sah. Individu juga berhak menyuarakan pandangan dan terlibat dalam aktiviti yang tidak bercanggah dengan undang-undang. Kebebasan bermaksud kemampuan bertindak tanpa paksaan atau ancaman selagi tidak melanggar ketetapan syarak. Hak bersatu-turut diiktiraf sebagai medium kerjasama dan saling membantu, termasuk dalam usaha dakwah yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (al-Siba'i, 1960).

Dari sudut ilmu pengetahuan, Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu dan tidak mengiktiraf kewujudan jurang kejahilan yang dibiarkan tanpa usaha pembaikan. Orang yang tidak mengetahui sesuatu wajib belajar, manakala yang berilmu berkewajipan mengajarkannya. Oleh itu, pemerintah bertanggungjawab membasmi buta huruf dan memastikan pendidikan dapat diakses secara meluas (al-Siba'i, 1960).

Setiap manusia juga memiliki kehormatan yang tidak bergantung kepada bangsa, agama atau keturunan. Islam menjamin hak setiap individu untuk dihormati dan dilindungi maruahnyanya. Menghina, membuka aib atau mengintip kesalahan orang lain tanpa sebab yang dibenarkan adalah dilarang (al-Siba'i, 1960). Prinsip ini menunjukkan bahawa keadilan sosial turut melibatkan pemeliharaan maruah dan privasi individu.

Hak pemilikan turut diiktiraf dalam Islam. Setiap individu berhak berusaha mencari rezeki dan memiliki harta secara sah. Kekayaan tidak dikhususkan kepada golongan tertentu, sebaliknya terbuka kepada semua yang berusaha secara halal. Harta yang diperoleh secara sah tidak boleh dirampas sewenang-wenangnya dan keselamatannya menjadi tanggungjawab pemerintah (al-Siba'i, 1960). Islam dengan tegas melarang pencurian dan pengambilan harta secara batil. Walau bagaimanapun, konsep pemilikan dalam Islam tertakluk kepada batas tertentu. Tiga perkara utama yang mesti dielakkan dalam usaha mencari kekayaan ialah kezaliman, penipuan dan kerosakan. Amalan seperti riba, perjudian dan rampasan adalah dilarang kerana bersifat zalim. Penipuan dalam urusan jual beli seperti manipulasi timbangan atau penjualan barang rosak juga diharamkan. Selain itu, sebarang aktiviti yang membawa kerosakan moral atau sosial, termasuk perniagaan yang menyokong maksiat, tidak dibenarkan (al-Siba'i, 1960).

Secara keseluruhannya, hak hidup, kebebasan, ilmu, kehormatan dan pemilikan membentuk rangka asas keadilan sosial dalam Islam. Setiap hak tersebut dilindungi dalam kerangka tanggungjawab moral dan perundangan bagi memastikan keseimbangan antara individu, masyarakat dan negara. Keseimbangan antara kebebasan dan tanggungjawab memastikan keharmonian sosial serta mencegah anarki moral.

2. **Pengurusan sumber negara secara amanah.** Kekayaan negara tidak boleh dimonopoli oleh elit.

Islam menolak pengumpulan kekayaan secara monopolistik yang menindas golongan lemah. Prinsip larangan riba, penipuan dan eksploitasi menjadi asas keadilan ekonomi. Kekayaan diiktiraf sebagai amanah yang mesti dimanfaatkan untuk kesejahteraan bersama (Ismail & Jasni, 2023). Konsep Baitul Mal dalam sejarah Islam berfungsi sebagai institusi pengumpulan dan pengagihan sumber negara. Hasil zakat, cukai, kharaj dan sumber lain diagihkan kepada golongan yang memerlukan serta untuk pembangunan kemudahan awam (Abu Zahrah, 1987). Sistem wakaf pula memperkukuh jaringan kebajikan melalui pembiayaan pendidikan, kesihatan dan kemudahan sosial. Dalam konteks moden, wakaf boleh dimodenkan melalui tadbir urus profesional dan pelaporan telus bagi memastikan impaknya berterusan.

3. **Jaminan sosial menyeluruh.** Masyarakat dan negara mesti memastikan tiada golongan terpinggir.

Konsep al-takaful al-ijtima'i menekankan tanggungjawab bersama dalam menjaga kesejahteraan anggota masyarakat. Islam menggariskan bahawa fakir miskin, warga emas, orang sakit, anak yatim dan golongan rentan berhak mendapat perlindungan sosial. Solidariti ini bukan sekadar bantuan sukarela, tetapi kewajipan moral dan sosial. Melalui zakat, sedekah, wakaf dan sistem kebajikan negara, jurang kemiskinan dapat dikurangkan dan kestabilan sosial dapat dipelihara. Tanpa solidariti sosial, kebergantungan kepada bantuan daripada pemerintah tidak mencukupi untuk menjamin kestabilan masyarakat.

Keadilan Sosial dalam Kerangka Masyarakat Madani

Konsep masyarakat Madani menekankan pembangunan insan, integriti tadbir urus dan kesejahteraan bersama. Apabila diteliti, prinsip-prinsip ini sejajar dengan konsep keadilan sosial Islam. Masyarakat Madani merujuk kepada masyarakat berperadaban yang dibina atas nilai moral dan tanggungjawab bersama. Konsep ini berakar daripada pengalaman sejarah Madinah yang memperlihatkan integrasi antara struktur politik dan asas etika.

Menelusuri wacana moden, masyarakat Madani dicirikan melalui kemampuan, kesejahteraan, hormat, keyakinan dan ihsan (Lateh et al., 2024). Nilai kemampuan menuntut pembangunan yang tidak merosakkan keseimbangan generasi. Kesejahteraan melibatkan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan kebajikan sosial. Hormat merujuk kepada pengiktirafan maruah insan. Keyakinan bergantung pada integriti institusi. Ihsan pula menuntut keunggulan moral. Perbincangan mengenai masyarakat Madani tidak dapat dipisahkan daripada persoalan asas tentang keadilan sosial sebagai prasyarat pembentukan masyarakat berperadaban (Ismail & Sulong, 2025). Sekiranya Masyarakat Madani difahami sebagai masyarakat yang berteraskan nilai kemampuan, kesejahteraan, hormat, keyakinan dan ihsan, maka keadilan sosial merupakan asas struktural dan moral yang membolehkan nilai-nilai tersebut diterjemahkan dalam realiti sosial. Tanpa keadilan sosial, nilai-nilai tersebut akan kekal dalam bentuk normatif dan simbolik semata-mata.

Merujuk kepada kerangka Islam, keadilan sosial bukan hanya isu pengagihan ekonomi atau kesaksamaan peluang, tetapi melibatkan keseluruhan struktur hubungan antara manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan alam sekitar (Hassan & Muslim, 2025). Oleh itu, apabila konsep keadilan sosial diletakkan dalam kerangka Masyarakat Madani, ia perlu difahami sebagai asas ontologi, etika dan institusional yang menyokong pembentukan masyarakat berperadaban.

Hak Asasi dalam Islam dan Relevansinya dalam Kerangka Masyarakat Madani

Pengiktirafan terhadap hak hidup, kebebasan, ilmu, kehormatan dan pemilikan dalam Islam bukan sekadar prinsip normatif yang terpisah, tetapi membentuk asas struktur sosial yang berperadaban (Ismail & Jasni, 2023). Dalam kerangka Masyarakat Madani, hak-hak ini menjadi komponen teras yang memastikan nilai kemampuan,

kesejahteraan, hormat, keyakinan dan ihsan dapat direalisasikan secara substantif seperti dalam lima aspek berikut:

Hak Hidup dan Kemampuan Sosial

Hak untuk hidup merupakan hak paling asas yang menjamin kelangsungan kewujudan manusia. Dalam Islam, nyawa dilindungi secara tegas dan sebarang pencabulan terhadapnya dianggap sebagai jenayah berat. Larangan membunuh, termasuk membunuh diri sendiri, serta pelaksanaan hukum qisas bertujuan memelihara keselamatan masyarakat dan mencegah kezaliman. Melalui kerangka masyarakat Madani, perlindungan terhadap hak hidup berkait rapat dengan nilai kemampuan. Kemampuan tidak hanya bermaksud kelestarian alam sekitar, tetapi juga kestabilan sosial yang terjamin melalui perlindungan nyawa, kesihatan dan kesejahteraan fizikal masyarakat. Tanggungjawab menjaga kesihatan, mengawal penyakit dan mengelakkan perkara yang memudaratkan tubuh badan menunjukkan bahawa Islam menghubungkan keadilan dengan tanggungjawab kolektif terhadap kelangsungan hidup. Tanpa jaminan keselamatan nyawa, mustahil sebuah masyarakat dapat berkembang secara beradab.

Kebebasan Diri dan Nilai Hormat

Islam mengiktiraf kebebasan manusia sebagai makhluk yang merdeka daripada penghambaan sesama makhluk. Kebebasan ini merangkumi kebebasan berfikir, bersuara dan berpersatuan selagi tidak melanggar prinsip syariat. Penahanan tanpa bukti sah atau tekanan yang menafikan hak individu adalah bertentangan dengan prinsip keadilan. Melihat dalam konteks masyarakat Madani, kebebasan diri berkait langsung dengan nilai hormat dan keyakinan. Pengiktirafan terhadap kebebasan menunjukkan penghormatan terhadap martabat insan. Pada masa yang sama, kebebasan yang terikat dengan tanggungjawab memastikan keharmonian sosial dapat dipelihara. Masyarakat yang menghormati hak bersuara dan hak berhimpun akan membentuk budaya dialog yang sihat serta memperkukuh kepercayaan antara rakyat dan institusi.

Ilmu Pengetahuan dan Pembangunan Peradaban

Kewajipan menuntut dan menyebarkan ilmu dalam Islam menggambarkan bahawa keadilan sosial tidak terhad kepada pengagihan material, tetapi merangkumi akses kepada pengetahuan. Kejahilan dianggap sebagai hambatan kepada kesejahteraan dan kemajuan masyarakat. Oleh itu, usaha membasmi buta huruf dan memastikan pendidikan dapat diakses secara adil merupakan tanggungjawab bersama, termasuk peranan pemerintah. Menerusi kerangka masyarakat Madani, pembangunan ilmu menjadi prasyarat kepada pembinaan peradaban yang mampan. Masyarakat yang berilmu lebih mampu membuat keputusan secara rasional, mengurus sumber secara berkesan dan mengelakkan manipulasi. Justeru, hak terhadap pendidikan bukan sekadar hak individu, tetapi asas kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing dan beretika.

Kehormatan Diri dan Kesejahteraan Sosial

Islam menegaskan bahawa setiap manusia memiliki kehormatan yang tidak boleh dicemari oleh penghinaan atau pendedahan aib tanpa sebab yang dibenarkan. Larangan mengintip kesalahan orang lain dan menyebarkan keburukan menunjukkan bahawa keadilan turut melibatkan perlindungan maruah. Untuk mewujudkan Masyarakat Madani, nilai hormat tidak boleh dipisahkan daripada perlindungan kehormatan individu. Masyarakat yang memelihara maruah anggotanya akan membina suasana sosial yang aman dan harmoni. Sebaliknya, budaya penghinaan dan fitnah akan meruntuhkan keyakinan sosial dan memecahbelahkan komuniti.

Hak Pemilikan dan Keseimbangan Ekonomi

Islam mengiktiraf hak individu untuk memiliki harta hasil usaha yang sah. Harta tidak boleh dirampas secara sewenang-wenangnya, dan keselamatannya perlu dijamin oleh pemerintah (al-Siba'i, 1960). Pada masa yang sama, pemilikan tertakluk kepada batas tertentu bagi mengelakkan kezaliman, penipuan dan kerosakan sosial. Larangan terhadap riba, perjudian, penipuan dan aktiviti yang merosakkan menunjukkan bahawa kebebasan ekonomi perlu dikawal oleh prinsip moral. Bagi pembentukan masyarakat Madani, pengiktirafan hak pemilikan berkait dengan nilai kesejahteraan dan kemampuan ekonomi. Keadilan ekonomi memastikan peluang terbuka kepada semua dan tidak dimonopoli oleh kelompok tertentu (Ismail & Jasni, 2023). Apabila harta diperoleh secara halal dan diedarkan secara adil, kestabilan sosial dapat dipertahankan dan jurang ketidaksamaan dapat dikurangkan.

Secara keseluruhannya, hak hidup, kebebasan, ilmu, kehormatan dan pemilikan membentuk rangka asas keadilan sosial dalam Islam yang selari dengan aspirasi masyarakat Madani. Setiap hak tersebut bukan sahaja dilindungi secara perundangan, tetapi diikat dengan tanggungjawab moral. Integrasi antara hak dan tanggungjawab inilah yang membezakan pendekatan Islam daripada kerangka sekular yang cenderung memisahkan antara kebebasan individu dan kewajipan sosial. Oleh itu, Masyarakat Madani bukan sekadar masyarakat sivil yang berfungsi sebagai pengimbang kuasa, tetapi sebuah masyarakat berperadaban yang menjadikan keadilan sebagai prinsip hidup. Tanpa perlindungan terhadap hak-hak asas ini, nilai kemampuan, kesejahteraan dan ihsan tidak dapat direalisasikan secara menyeluruh. Oleh itu, keadilan sosial Islam berfungsi sebagai asas normatif dan praktikal bagi pembinaan Masyarakat Madani yang autentik.

Perkongsian Kekayaan dan Kebajikan Sosial dalam Kerangka Masyarakat Madani

Apabila prinsip pemilikan dan perkongsian kekayaan dalam Islam dilihat melalui lensa masyarakat Madani, jelas bahawa ia bukan sekadar sistem ekonomi, tetapi asas pembentukan masyarakat berperadaban. Kesedaran bahawa segala sumber alam adalah amanah daripada Allah membentuk etika pengurusan yang berteraskan tanggungjawab, bukan dominasi (Ismail & Jasni, 2023). Bagi membina masyarakat Madani, prinsip ini menghalang pemusatan kekayaan secara melampau dan

mendorong budaya perkongsian yang menyokong kemampanan sosial. Menyedari perkara tersebut, berikut adalah lima prinsip penting yang perlu ditekankan:

Amanah Pemilikan dan Nilai Kemampanan

Konsep bahawa manusia hanyalah pemegang amanah terhadap sumber alam mewujudkan batas moral dalam penggunaan dan pengagihan harta. Dalam kerangka Masyarakat Madani, kemampanan bukan sekadar kelestarian alam sekitar, tetapi juga keseimbangan sosial antara generasi dan lapisan masyarakat. Apabila pemilikan dikawal oleh prinsip keadilan dan bukan nafsu penguasaan, pembangunan ekonomi akan lebih inklusif dan tidak merosakkan struktur sosial. Perkongsian hasil melalui zakat, infaq dan mekanisme lain memastikan golongan rentan tidak terpinggir. Ini selari dengan aspirasi Masyarakat Madani yang menekankan kesejahteraan bersama sebagai asas kestabilan negara.

Baitul Mal dan Tadbir Urus Berintegriti

Institusi seperti Baitul Mal memperlihatkan bahawa keadilan sosial memerlukan struktur pentadbiran yang tersusun (Abu Zahrah, 1987). Dalam Masyarakat Madani, keyakinan masyarakat terhadap institusi bergantung pada kecekapan dan ketelusan pengurusan sumber awam. Dana yang dikumpulkan melalui zakat, cukai dan sumber lain tidak boleh disalahgunakan, tetapi mesti diagihkan bagi kepentingan umum seperti pembangunan pendidikan, infrastruktur dan bantuan kebajikan.

Sejarah pengurusan Baitul Mal menunjukkan bahawa peningkatan sumber memerlukan sistem pentadbiran yang sistematik. Dalam konteks kontemporari, ini menuntut tadbir urus yang berintegriti, bebas rasuah dan berasaskan akauntabiliti. Tanpa pengurusan yang adil, institusi kewangan awam tidak akan mampu menyokong cita-cita Masyarakat Madani.

Wakaf dan Solidariti Sosial

Sistem wakaf pula menggambarkan bagaimana inisiatif individu boleh dipadukan dengan kepentingan masyarakat (al-Siba'i, 1998). Dalam kerangka Masyarakat Madani, wakaf berfungsi sebagai instrumen kemampanan jangka panjang kerana manfaatnya berterusan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kerajaan. Apabila hasil wakaf dimanfaatkan untuk pendidikan, bantuan kewangan, pemulihan sosial dan kebajikan, ia memperkukuh jaringan solidariti masyarakat. Model ini menunjukkan bahawa Masyarakat Madani tidak hanya bergantung kepada negara, tetapi turut digerakkan oleh kesedaran kolektif warga yang berkongsi tanggungjawab sosial.

Tanah Rezab dan Akses Sumber Awam

Konsep tanah rezab di bawah pengurusan negara memperlihatkan bahawa sumber yang tidak dimiliki individu perlu digunakan untuk manfaat umum. Bagi membentuk masyarakat Madani, akses kepada sumber awam yang adil mengurangkan ketidaksamaan dan membuka peluang kepada golongan kurang berkemampuan untuk membangunkan ekonomi mereka. Pemberian hak mengusahakan tanah dengan syarat

tertentu menggambarkan keseimbangan antara kebebasan individu dan pengawasan institusi. Pendekatan ini menyokong nilai kemampunan dan kesejahteraan tanpa menafikan hak masyarakat lain.

Kebajikan Sosial dan Nilai Ihsan

Konsep *al-takaful al-ijtima'i* atau jaminan sosial menegaskan bahawa hubungan masyarakat Islam dibina atas dasar persaudaraan dan saling membantu (al-Siba'i, 1997). Dalam Masyarakat Madani, nilai ihsan melengkapkan keadilan dengan dimensi empati. Bantuan kepada fakir miskin, orang sakit, warga emas, anak yatim, musafir dan golongan berhutang bukan sekadar kebajikan, tetapi strategi pencegahan terhadap keruntuhan sosial. Apabila golongan yang lemah diberi perlindungan, kadar jenayah, kemiskinan tegar dan ketidaksamaan dapat dikurangkan. Ini menyumbang kepada kestabilan sosial dan memperkukuh keyakinan rakyat terhadap sistem. Dengan demikian, kebajikan sosial menjadi komponen penting dalam pembinaan masyarakat berperadaban.

Keseluruhan mekanisme perkongsian kekayaan, pengurusan sumber awam, wakaf, tanah rezab dan jaminan sosial menunjukkan bahawa keadilan sosial dalam Islam mempunyai struktur institusional dan budaya moral yang saling melengkapi. Oleh itu, prinsip-prinsip seperti dinyatakan di atas boleh menyumbang kepada:

- Kemampunan, melalui pengurusan sumber secara amanah dan inklusif.
- Kesejahteraan, melalui pengagihan manfaat yang adil.
- Hormat dan maruah, melalui perlindungan hak golongan rentan.
- Keyakinan, melalui tadbir urus yang telus.
- Ihsan, melalui budaya solidariti dan empati.

Masyarakat Madani bukan sekadar masyarakat yang memiliki institusi sivil, tetapi masyarakat yang menjadikan keadilan sosial sebagai asas pembinaan peradaban. Integrasi antara struktur pentadbiran dan nilai moral inilah yang membezakan model Madani daripada konsep masyarakat sivil yang hanya berfungsi sebagai pengimbang kuasa negara.

Kesimpulan

Daripada keseluruhan perbincangan, dapat dirumuskan bahawa keadilan sosial dalam Islam merupakan suatu sistem nilai yang komprehensif dan berlapis, merangkumi dimensi akidah, moral, institusi dan sosial. Ia tidak terbatas kepada aspek pengagihan ekonomi atau perlindungan hak asasi secara formal, tetapi berakar dalam kesedaran tauhid bahawa segala sumber dan kuasa adalah amanah daripada Allah SWT. Kesedaran ini membentuk etika pemilikan, pengurusan dan penggunaan sumber yang terikat dengan tanggungjawab terhadap masyarakat. Pengiktirafan terhadap hak hidup, kebebasan, ilmu, kehormatan dan pemilikan menunjukkan bahawa Islam meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan masyarakat yang bermaruah dan seimbang. Setiap hak tersebut dilindungi melalui peruntukan hukum dan diikat dengan kewajipan moral, sekali gus memastikan keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan kolektif. Keadilan sosial dalam Islam tidak memisahkan

antara hak dan tanggungjawab, sebaliknya mengintegrasikan kedua-duanya dalam satu kerangka normatif yang menyeluruh.

Melalui mekanisme seperti zakat, Baitul Mal, wakaf, pengurusan tanah rezab dan sistem jaminan sosial, Islam memperlihatkan bahawa keadilan memerlukan struktur pentadbiran yang sistematik serta budaya solidariti yang kukuh. Institusi-institusi ini berfungsi sebagai instrumen pengagihan semula kekayaan dan perlindungan golongan rentan, sekali gus mencegah ketidaksamaan yang boleh mengancam kestabilan sosial. Dalam masa yang sama, nilai ihsan dan ukhuwah memperkuat dimensi moral keadilan dengan menanamkan rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan masyarakat. Apabila keseluruhan prinsip ini dikaitkan dengan kerangka masyarakat Madani, jelas bahawa keadilan sosial merupakan asas yang memaknakan gagasan tersebut. Masyarakat Madani tidak sekadar menuntut kewujudan institusi sivil, tetapi memerlukan integrasi antara tadbir urus yang berintegriti dan budaya nilai yang berteraskan amanah, hormat dan empati. Kemampanan, kesejahteraan, keyakinan dan ihsan hanya dapat direalisasikan apabila sistem sosial dibina atas prinsip keadilan yang menyeluruh.

Dengan demikian, keadilan sosial Islam bukan sahaja relevan dalam konteks sejarah peradaban Islam, tetapi mempunyai potensi besar sebagai kerangka normatif bagi pembinaan masyarakat kontemporari yang lebih seimbang dan beretika. Integrasi antara dimensi spiritual, struktur institusi dan tanggungjawab kolektif inilah yang menjadikan model ini berbeza daripada pendekatan sekular yang cenderung memisahkan antara nilai moral dan sistem sosial. Justeru, pembinaan Masyarakat Madani yang autentik menuntut penghayatan dan pelaksanaan keadilan sosial sebagai prinsip asas, bukan sekadar retorik pembangunan.

Acknowledgement

The author expresses the highest appreciation to the Centre for the Promotion of Knowledge and Language, Universiti Malaysia Sabah, for its academic support and conducive research environment that facilitated the completion of this article. The author also acknowledges the intellectual contributions of previous scholars in the fields of Islamic social justice and civilizational studies, whose works have enriched the development of the conceptual framework of this article.

Conflict of Interest Statement

The author hereby declares that there are no conflicts of interest related to the publication of this article. The research and writing of this article were conducted independently without any financial, commercial, or other interests that could potentially influence the academic integrity of the study.

Author Contributions Statement

1. **Mohd Hatib Ismail** contributed to the development of the conceptual framework, theoretical analysis, and preparation of the initial draft of the manuscript.

2. **Siti Rohani Jasni** contributed to the critical review of the content, strengthening of the arguments, organization of the article structure, and refinement of the manuscript language.
3. **Zuly Qadir** approved the final draft and revised the report.

All authors have read and approved the final version of the manuscript and agree to take full responsibility for the content of this article.

Ethics Statement

This article is a conceptual and theoretical analysis study based on existing literature sources. The study does not involve human participants, animal subjects, or the use of confidential data. Therefore, research ethics approval was not required. All references have been appropriately cited in accordance with the principles of academic integrity.

Rujukan

- Arom, N. H., Zamziba, M. N. F., Sabri, S. H., & Nayan, N. F. S. (2025). Konsep perpaduan dalam masyarakat Malaysia Madani menurut hadis terpilih daripada Hadis 40 Imam Nawawi. *Journal of Hadis*, 10(1, Special Issue): 42-57.
- Abu Zahrah, M. (1987). *Muḥāḍarāt fī al-waqf*. Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Al-Ghazālī. (n.d.). *Al-Mustaṣfā min ‘ilm al-uṣūl*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hamka, (1977), *Keadilan Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hassan, W. Z. W., & Muslim, N. (2025). Reconceptualizing Masyarakat Madani in Malaysia: A critical analysis through the lens of Imam al-Shāfi‘ī’s thought on civil society and governance. *International Journal of Research in Islamic Social Sciences* 9(8): 7741–7758.
<https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.908000644>
- Ibn Manẓūr. (1887). *Lisān al-‘Arab*. Dār Ṣādir.
- Ishak, M. S. I., & Asni, F. (2020). The role of maqāṣid al-Sharī‘ah in applying fiqh mu‘āmalāt into modern Islamic banking in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 11(10): 2137–2154.
<https://doi.org/10.1108/JIABR-12-2019-0224>
- Ismail, M. H., & Jasni, S. R. (2023). Keadilan sosial dalam sistem masyarakat menurut Mustafa al-Siba‘ī. *IJRAH – International Journal of Religion, Arts and Humanities* 2: 48–59.
- Ismail, M. H., & Jasni, S. R. (2023). Sumbangan pemikiran Mustafa al-Siba‘ī terhadap aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(2): 84–93. <https://doi.org/10.37231/jimk.2023.24.2.800>
- Ismail, F. H., & Sulong, J. (2025). Negara Madani: Kajian semula daripada aspek rekabentuk dan kandungan menurut perspektif Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 30–47.
- Kassim Ahmad, (1980), *Risalah Masalah Teori Sosial Moden Islam*. Petaling Jaya: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

- Lateh, N. H. M., Abdul Razak, A., Kurniawan, Y., Mustafa, N. H., & Jamalludin, N. H. (2024). Malaysia Madani in the light of Islamic values: Understanding and acceptance of Malaysians. *Islāmiyyāt* 46(2): 157–166.
<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2024-4602-15>
- Mohammed, T. A. S. (2024). A scientometric study of maqāṣid al-sharī‘ah research: Trending issues, hotspot research, and co-citation analysis. *Frontiers in Research Metrics and Analytics* 9: 1439407.
<https://doi.org/10.3389/frma.2024.1439407>
- Mohd Hatib Ismail, Ahmad Sunawari Long, & Siti Rohani Jasni. (2024). Sosialisme Islam Menurut Mustafa al-Siba‘i: Islamic Sosialisme According to Mustafa al-Siba‘i. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge* 5(2): 115-131.
- Nasir, N. M., Nair, M. S., & Ahmed, P. K. (2022). Environmental sustainability and contemporary Islamic society: A Sharī‘ah perspective. *Asian Academy of Management Journal* 27(2): 211–231.
<https://doi.org/10.21315/aamj2022.27.2.10>
- Rahman, B. T. F. (2025). Acceptance of the Malaysia MADANI policy concept among staff within MARA agencies. *E-BPJ: Evidence-Based Policy Journal* 10(33): 93-102. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10i33.7305>
- Rawls, John, (1971), *A Theory of Justice*. London: Harvard University Press.
- Saged, A. A. G., Alhaj, T. A. A., & Bi, M. Y. Z. (2017). The role of the maqāṣid al-Sharī‘ah in preserving the environment. *Humanomics* 33(2): 125–132.
<https://doi.org/10.1108/H-12-2016-0105>
- Shinkafi, A. A., & Ali, N. A. (2017). Contemporary Islamic economic studies on maqāṣid Sharī‘ah: A systematic literature review. *Humanomics* 33(3): 315–334.
<https://doi.org/10.1108/H-03-2017-0041>
- Al-Siba‘i, Mustafa, (1960), *Al-Ishtirakiyyah al-Islam*. Al-Qahirah: al-Dar al-Qawmiyah.
- Al-Siba‘i, Mustafa, (1997), *Al-Takaful al-Ijtima‘i fi al-Islam*. Riyadh: Dar al-Warraq.
- Al-Siba‘i, Mustafa, (1988), *Haza Huwa al-Islam Silsilah Rasa’il Tabhasu an al-Fikrah al-Islam al-Hadithah*. Jil 1. Damascus: Maktabah al-Islami.
- Al-Siba‘i, Mustafa, (1998), *Uzama’una fi al-Tarikh*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Siba‘i, M. (1998). *Min rawā’i’ ḥaḍāratinā*. Dār al-Warrāq.
- Tohar, S. N. A. M., Zahalan, N. M. H., & Hassan, F. (2021). Social justice in Malaysian racial society through maqāṣid syariah framework: From the media paradigm. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(11): 381–390. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i11/11021>
- Qutb, Sayyid, (1984), *Keadilan Sosial dalam Islam*. terj. Afif Mohammad. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Zul‘Azmi Yaakob, (2005), *Konsep Keadilan dalam Pemikiran Akhlak Aristotle (M.322 SM) dan Ibn Miskawayh (M. 1030 M)*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zul ‘Azmi, M. (2005). Konsep keadilan dalam Islam: Satu analisis terminologi. *Jurnal Syariah* 13(2): 45–62.